

Jurnal Intelek

URDC UiTM Perlis

Volume 3 No. 1

January 2005

ISSN 1675-9885

The Effect of Slicing JPEG File on the
Web Page Download Time

Fakhrul Hazman Yusoff
Anita Mohd Yasin
Rozianawaty Osman

Study of Nickel Coating on Clay Ceramic Body

Saidatulakmar
Shamsuddin
Baharuddin Wanik
Ahmad Fauzi Mohd Noor
Zainal Afiffin Ahmad

An Exploratory Analysis of Organizational Citizenship
Behaviour Factor Structure in a Malaysian Context

Shaiful Anuar Khalid
Hassan Ali

Pengurusan Sumber Perikanan Secara ‘Co-Management’:
Kajian Kes di Kedah dan Perlis

Jamal Ali
Ahmad Mahzan Ayob

Pembinaan Penderia pH Gentian Optik Pintar Berdasarkan
Reagen Terpegun dan Rangkaian Neural Tiruan (ANN)

Faiz Bukhari Mohd Suah
Abdul Mutalib Md Jani
Mohd Nasir Taib

Entrepreneurs: Challenges and Expectations

Normah Ahmad

Is Traditional Budgeting Still Relevant?

Rosiatimah Mohd Isa

Proses Evolusi Seorang Guru

Naginder Kaur a/p Surjit Singh

Pengendalian Kes Perceraian dan Permasalahan
di Mahkamah Syariah Perlis

Che Latifah Hj. Ismail

Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man)
dalam Perbahasan Ekonomi Islam

Basri Abd. Ghani

JURNAL INTELEK

(A Publication of Unit for Research, Development and Commercialisation,
UiTM Perlis)

Editorial Committee

Chairman: Associate Prof Dr. Ahmad Redzuan Abd Rahman

Editor-in-chief: Associate Prof. Dr. Mahadzir Hj Din

Sarina Muhamad Noor	Yazid Mohd. Esa
Mohd Asri Mohd Noor	Hasnun Nita Ismail
Intan Marzita Saidon	Khairul Anwar Sedek

Reviewers

The people listed here have worked jointly with the editorial committee by devoting their time and specialized knowledge in reviewing a substantial number of manuscripts submitted to Jurnal Intelek between January 2005 and April 2005.

Assoc. Prof. Alias Ramli (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Hamidi Abd Hamid (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Khudzir Hj Ismail (UiTM)
Dr. Hj. Mohd Arshad Mohd Taib
Prof. Dr. Rosna Awang Hashim (UUM)
Assoc. Prof. Dr. Mazani Manaf (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Kamil Md. Idris (UUM)
Mr. David S. Levins (UiTM)
Assoc. Prof. Dr. Saadiah Muhamad (UiTM)
Dr. Ghafarullahhuddin Hj Din (UiTM)

Aims of the journal - *Jurnal Intelek* is a refereed journal published bi-annually in May and November each year. The journal which publishes original articles based on a broad general area, serves as a platform for scholars to disseminate information and latest findings on various research areas for the benefits of the public.

© *Jurnal Intelek* is jointly published by the Unit for Research, Development and Commercialisation (URDC), Universiti Teknologi MARA Perlis and Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

The views, opinions and technical recommendations expressed by the contributors and authors are entirely their own and do not necessarily reflect the views of the Faculty or the University.

Jurnal Intelek

Volume 3 No. 1**January 2005****ISSN 1675-9885**

1. The Effect of Slicing JPEG File on the Web Page Download Time Fakhrul Hazman Yusoff Anita Mohd Yasin Rozianawaty Osman	1
2. Study of Nickel Coating on Clay Ceramic Body Saidatulakmar Shamsuddin Baharuddin Wanik Ahmad Fauzi Mohd Noor Zainal Afiffin Ahmad	11
3. An Exploratory Analysis of Organizational Citizenship Behaviour Factor Structure in a Malaysian Context Shaiful Anuar Khalid Hassan Ali	21
4. Pengurusan Sumber Perikanan Secara 'Co-Management': Kajian Kes di Kedah dan Perlis Jamal Ali Ahmad Mahzan Ayob	35
5. Pembinaan Penderia pH Gentian Optik Pintar Berdasarkan Reagen Terpegun dan Rangkaian Neural Tiruan (ANN) Faiz Bukhari Mohd Suah Abdul Mutalib Md Jani Mohd Nasir Taib	51
6. Entrepreneurs: Challenges and Expectations Normah Ahmad	69
7. Is Traditional Budgeting Still Relevant? Rosiatimah Mohd Isa	75
8. Proses Evolusi Seorang Guru Naginder Kaur a/p Surjit Singh	85
9. Pengendalian Kes Perceraian dan Permasalahan di Mahkamah Syariah Perlis Che Latifah Hj. Ismail	95
10. Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man) dalam Perbahasan Ekonomi Islam Basri Abd. Ghani	107

Call for Paper

Jurnal Intelek – Guidelines on Submission of Manuscripts

1. Author(s) should submit four copies of the full manuscripts (one original, and three duplicate sets with the name of author(s), affiliation, mailing/e-mail address and telephone/fax number masked out).
2. All manuscripts should be double-spaced, without pagination on only one side of A4 size paper with 1.5", 1.0", 2.0" and 1.0" margins from the top, bottom, left and right respectively; preferably on Microsoft Word. However, page number should be written in pencil at the bottom right corner of each page. Sections should be numbered and titled as 1.0, 2.0, etc, and subsections should be numbered and titled as 1.1, 1.2, 1.3, 2.2, 2.2.1, etc.
3. The length of the manuscripts should not exceed 5000 words (not exceeding 10 pages including illustrations and tables). An abstract of between 100 and 200 words should also be included.
4. A figure or photo should be labelled as "Fig.", and a table with "Table" and must be assigned an Arabic numeral as figure number or table number. The figure number and title should be placed below the figure, whereas the table number and title should be placed on top of the table. All illustrations and tables should be in the middle of the page between the left and right margin.
5. Author(s) are responsible for obtaining permission to use any published material. The publisher shall not be held responsible for the use of such material. It is also the responsibility of the author(s) to check the accuracy of the data, references and statements.
6. The reference list should be arranged in alphabetical order following the APA style (5th Edition) and should include only works cited in the text.

Examples:

Berndt, T. J. (1999). Friends' influence on students' adjustment to school. *Educational Psychologist*, 34, 15-28.

Bishop, A. J. & Whitfield, R. C. (1982). *Situations in teaching*. London: McGraw-Hill.

Heath, S. B. (1989). The learner as culture member. In M. L. Rice & R. L. Schiefelbusch, (Eds.), *The teachability of language*. (pp. 333-350). Toronto: Paul H. Brookes.

Kenneth, I. A. (2000). A Buddhist response to the nature of human rights.

Journal of Buddhist Ethics, 8(4). Retrieved February 20, 2004, from <http://www.cac.psu.edu/jbe/twocont.html>

7. It is a condition of publication that manuscripts submitted to the journal have not been published, accepted for publication nor simultaneously submitted to the journal for publication elsewhere. By submitting a manuscript, the author(s) agree that copyright of the article is transferred to the publisher if and when the manuscript is accepted for publication.
8. Author(s) will receive three copies of the issue of the journal in which their article is published. These will be given only to the first-named author of co-authored articles.
9. The editors reserve the rights to edit/format the manuscripts to maintain a consistent style.
10. Manuscripts and enquiries should be sent to: The Editor, Jurnal Intelek, Unit for Research, Development and Commercialisation (URDC), Universiti Teknologi MARA, Perlis Branch, Arau, 02600 Perlis, MALAYSIA. (mbhd@perlis.uitm.edu.my)

Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man) dalam Perbahasan Ekonomi Islam

Basri bin Abd. Ghani

Manusia diandaikan menghadapi masalah kekurangan (scarcity) dalam kefahaman ekonomi moden, namun bertindak rasional tanpa panduan apa-apa kuasa melainkan kuasa pasaran iaitu penawaran dan permintaan. Justeru ekonomi Islam meletakan syariat (ajaran Islam) sebagai panduan kerana manusia adalah ciptaan Allah mampu menjayakan aktiviti ekonomi dan menyelesaikan masalah-masalah ekonomi secara praktikal.

Konsep Manusia Ekonomi dan Islam

Konsep manusia di dalam ekonomi pasaran adalah dinilai sebagai manusia sosial, yang dicipta bertujuan untuk melaksanakan keperluan moral kemudianya telah diubah kepada konsep manusia ekonomi (Black : 1977). Ekonomi konvensional menganggap manusia sebagai satu keluaran semula jadi secara spontan. Bahkan teori ekonomi sekular mengakui bahawa konsep manusia ialah satu kejadian (bukannya makhluk) iaitu, hasil keluaran alam (M Akram : 1995). Kewujudannya tidak semestinya mempunyai sebarang maksud yang muktamad, ia cuma wujud di dunia ini sahaja. Kemanusiaan ialah realiti yang terakhir, dan tujuan yang terpenting ialah kehidupan ini, jika ada pun, hendaklah dicari dalam kehidupan itu sahaja dan bukan di luarnya. Kesempurnaan umat manusia hanya boleh dicapai tanpa bantuan sebarang kuasa luar biasa (Khurshid : 1991).

Oleh itu tidak ada sebab individu ekonomi barat perlu kepada mana-mana kuasa yang agung, melainkan tunduk kepada mekanisme pasaran,(DBP Kamus Eko : 1993) yang telah direka oleh mereka sendiri. Adam Smith pelopor kepada sistem ekonomi Kapitalis ada menerangkan undang-undang di Pasar adalah yang terpenting dalam menentukan sesuatu masyarakat itu, katanya:

“For the laws of the market themselves will be integral part of the larger laws which cause society to prosper or decay. The mechanism by which the heedless individual is kept in line with everybody else will affect the mechanism by which society itself changes over the years” (Nik Mustapha: (1992).

Undang-undang Pasar (Law of the Market) yang dianjurkan oleh Smith adalah ringkas. Sifat mementingkan diri (self-interest) yang terdapat dalam naluri manusia akan merangsangkan seseorang individu kepada persaingan dalam

pengeluaran barang kepada masyarakat, jumlah kuantiti yang masyarakat perlu dan paras harga yang sanggup dibayar oleh masyarakat. Sifat mementingkan diri ini menjadi daya penggerak utama yang seterusnya mewujudkan sistem ekonomi kapitalis. Menurut Adam Smith (Nik Mustaffa : 1992).

"It is not from the benevolent of the butcher, the brewer, or the baker that we expect our dinner, but from their regard to their self-interest. We address ourselves, not to their humanity, but to their self-love ,and never talk to them of our necessities, but of their advantages"

Falsafah yang melihat manusia sebagai kejadian yang diasaskan kepada mementingkan diri, melahirkan konsep "*manusia ekonomi*". Manusia akan bergantung kepada perhitungan dengan teliti dan berhati-hati ke arah pencapaian kejayaan ekonomi. Kejayaan ekonomi mengikut kefahaman Kapitalisme boleh ditakrifkan sebagai memperolehikekayaan dengan kadar yang maksima dari tindakan manusia. Pencapaian di dalam pemilikan harta berbentuk wang atau barang adalah merupakan matlamat utama dalam kehidupan seseorang individu (A.Rahman : 1992)

Kita juga tidak melupai bahawa pengarang '*Wealth of Nations*' juga mengarang '*Theory of Moral Sentiments*' dan kita tidak boleh memahami idea-idea ekonomi di dalam '*Wealth of Nation*' tanpa mengetahui sedikit sebanyak tentang falsafah di dalam '*Theory of Moral Sentiments*'. Menurut Adam Smith, tingkah laku manusia didorong secara semula jadi oleh enam motif iaitu cinta diri, simpati, keinginan untuk bebas, perasaan sopan santun, tabiat mahu bersungguh-sungguh dan kecenderungan untuk bertukar-tukar barang. Berdasarkan rangsangan ini, setiap orang secara semula jadi boleh membuat pilihan sendiri dan seharusnya dibiarkan sendiri. Seseorang itu bukan sahaja memperolehi apa yang terbaik bagi dirinya, malah dia akan menghasilkan lebih banyak kebaikan awam. Motif yang berlainan bagi tindakan manusia telah begitu seimbang sehingga kebaikan bagi seseorang tidak bertentangan dengan kebaikan untuk semua (Eric Roll : 1995).

Cinta kepada diri sendiri disertai dengan motif lain, terutama simpati, dan tindakan daripadanya tidak boleh tidak akan melibatkan kebaikan bagi orang lain bersama-sama dengan keuntungan bagi diri sendiri. Berdasarkan kepercayaannya kepada imbangan semula jadi bagi motif manusialah maka Adam Smith mengemukakan pernyataan yang masyhur bahawa dalam memburu kebaikan setiap individu dipandu oleh 'Tangan Yang Tak Nampak'. (Eric Roll : 1995)

Islam pada asasnya tidak dapat menerima pandangan yang sedemikian kerana apabila setiap individu berusaha untuk memenuhi kehendaknya akan mewujudkan jurang perbezaan di dalam masyarakat. Golongan berkemampuan akan menyekat peluang golongan tidak berkemampuan untuk melakukan penggunaan. Kemungkinan juga berlaku pembaziran dan kerosakan ke atas sumber-sumber yang digunakan. Adalah mustahil kehendak masyarakat akan terpenuh dengan sendiri tanpa sumbangan yang dilakukan oleh individu-individu di dalam

Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man) dalam Perbahasan Ekonomi Islam

masyarakat tersebut. Ini kerana Islam mengakui bahawa kebajikan individu dan masyarakat lebih merupakan pelengkap, bukannya bersaing dan bertentangan. Oleh itu, ia menggalakkan kerjasama di sebalik persaingan dan permusuhan, di samping membentuk suatu perhubungan yang rapat di antara individu. Dalam sistem ekonomi Islam, kepentingan individu dianggap sebagai kepentingan masyarakat dan sebaliknya, jika masyarakat makmur, individu akan bahagia dan jika individu makmur masyarakat juga makmur (A.Rahman : 1991).

Namun, ia mungkin berlaku hanya apabila kebajikan individu dan masyarakat dipertahankan sebaik mungkin, sehingga dalam mendapatkan keperluan-keperluan peribadi, mereka tidak melenyapkan kepentingan yang lain, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Jika mereka sendiri memperolehi faedah, mereka membenarkan yang lain menikmati sama. Sekiranya mereka tidak memperolehi sebarang faedah daripada sesuatu bidang usaha, mereka akan menyempurnakannya untuk kebajikan orang lain, yang akan mendapat faedah daripadanya. Ini menunjukkan bahawa dalam sistem Islam, setiap bahagian individu berada dalam kebajikan orang lain dan kebajikan individu serta masyarakat itu saling lengkap-melengkapi.

Oleh yang demikian, sistem ekonomi Islam mestilah berdasarkan kepada konsep keharmonian di antara kepentingan individu dan masyarakat. Ia tidak mengasingkan individu daripada masyarakat ataupun membenarkan pergeseran aspek kebajikan individu dengan masyarakat. Dalam penekanan yang lain, Islam juga melihat manusia sebagai hamba sosial yang membentuk personalitinya apabila berada dalam masyarakat.

Ibadat sembahyang lima waktu merupakan suatu kewajipan dalam Islam dan begitu juga dengan menuaikan Haji di Mekah. Umat Islam diperintahkan bersolat lima kali sehari, tetapi ibadat ini tidak menghalang mereka meneruskan urusan jual beli dan berdagang selepas bersolat. Seseorang yang hanya bermunajat tanpa melakukan apa-apa kerja untuk kehidupannya tidak akan dapat menyumbangkan sesuatu yang bermakna untuk masyarakatnya. Al-Quran mengingatkan umat Islam dengan firman Allah yang bermaksud :

“Apabila telah ditunaikan sembahyang, bertebarlah kamu di muka bumi dan carilah kurnia (rezeki Allah) dan ingatlah akan Allah sebanyak-banyaknya, mudah-mudahan kamu menang (berjaya)”

(al-Jumaah : 10)

Firman Allah yang bermaksud : “*Cari kurnia (rezeki) Allah*” dalam ayat tersebut memberi pengertian segala bentuk perniagaan yang halal dan sah, termasuk jual-beli, perindustrian, perdagangan dan sebagainya, yang melibatkan orang ramai dalam usaha mendapatkan sumber kehidupan mereka.

Seterusnya umat Islam dibenarkan untuk berniaga sepanjang musim haji. Ini membuktikan bahawa ibadat dan perjuangan ekonomi merupakan keperluan untuk kebajikan dan pembentukan personaliti manusia. Ini dijelaskan lagi oleh firman Allah yang bermaksud:

“Tidak ada dosa terhadapmu, jika kamu mencari kurnia dari Tuhanmu (seperti membawa perniagaan pergi haji)”

(al-Baqarah 2 : 198)

Ayat di atas memberi jaminan bahawa mencari kepentingan dunia tidak bertentangan dengan hakikat penyerahan diri kepada Tuhan dan tidak ada salahnya jika menjalankan perniagaan semasa menunaikan haji. Islam membenarkan umatnya untuk melibatkan diri dalam jual-beli yang halal atau perniagaan lain yang bebas daripada unsur-unsur judi dan penipuan. Firman Allah berikut menjelaskan kedudukan itu yang bermaksud :

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu) kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.”

(al-Nisa' : 29)

Oleh demikian, terbukti bahawa Islam bukanlah suatu kepercayaan duniaawi yang aneh, hanya meminta manusia untuk menyelamatkan jiwanya bagi kehidupan akhirat. Ia merupakan agama yang mengajar manusia cara untuk berbahagia semasa hidup dalam dunia dan juga ketika persematadian di akhirat.

Periktibaran daripada kegagalan lalu dalam sistem ekonomi moden perlu dilihat secara praktikal. Sebagai contoh pada era kemajuan industri di Eropah, manusia telah diberi kebebasan peribadi secara mutlak. Semua sistem yang ada di Eropah dibina di atas dasar kebebasan peribadi yang mutlak. Sebaik sahaja perindustrian berkembang begitu pesat di Eropah, ramai peladang yang berpindah ke bandar untuk bekerja di kilang-kilang. Golongan pemodal telah mengeksplotasi tenaga pekerja dengan membayar gaji yang sangat rendah. Mereka memberikan gaji yang amat sedikit sebagai balasan kepada kerja yang mereka lakukan sepanjang hari (lebih kurang 15 jam sehari). Apabila mereka membantah, mereka dibuang kerja dan diganti dengan perempuan dan kanak-kanak dengan upah yang lebih rendah. Lebih dahsyat lagi, aspek kesihatan pekerja, pemakanan diabaikan. Apa yang berlaku telah memburukkan keadaan pekerja, melahirkan banyak mogok dan keganasan, serta kekacauan di negara-negara Eropah (Abbas : 1996).

Implikasi pemikiran seperti ini, melahirkan keadaan yang lebih buruk, sehingga sesetengah pihak di Eropah terpengaruh pula dengan idea Karl Marx yang lebih dahsyat, keronnya untuk menyelamatkan masyarakat daripada kezaliman dasar pemilikan individu, tetapi sosialisme menafikan langsung pemilikan individu. Manusia tidak boleh lagi memiliki kecuali apa yang dimakan dan diminum sahaja. Semua ini bertitik-tolak daripada pemikiran mengenepikan pengabdian diri kepada Allah dan mengagungkan pemikiran semata-mata. Atas dasar menganggap mereka lahir pengeluar untuk negara dan masyarakat serta membuat dasar pemerintahan, pengurusan dan neraca akhlak.

Justeru itulah dalam keghairahan pembangunan sosial ekonomi hari ini faktor manusia menghadapi cabaran yang hebat dalam mempertahankan kemanusiaan

Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man) dalam Perbahasan Ekonomi Islam

yang sebenar atau menjadi hamba kebendaan. Pertahanan manusia dapat dilakukan apabila manusia berdiri sebagai hamba Allah, atau pemegang amanahnya tetapi apabila perlucutan perhubungan dengan Allah berlaku, manusia akan menjadi hamba kepada kebendaan.

Adunan proses pembangunan ekonomi moden di kalangan negara-negara Islam sebagai contoh, walaupun diselitkan juga dengan elemen-elemen pembangunan Islam, namun ianya tergugat kerana kecenderungan manusia kepada cintakan harta adalah tinggi sebagaimana firman Allah:

“Serta kamu pula sayangkan harta secara tamak haloba”

(al-Fajr : 20)

Begitulah hebatnya sistem pembangunan ekonomi kini, dalam mengaburi kedudukan manusia itu sendiri. Pada Islam ianya terjadi kerana asas dan matlamat tidak kembali kepada Islam yang sebenarnya, sehingga terdorong ke lembah kehinaan.

Sebagai kesimpulan daripada perbezaan konsep manusia ekonomi dan manusia Islam dapat digariskan seperti berikut:

Manusia Makhluk Ciptaan Allah

Islam memberikan satu takrifan yang tegas bahawa manusia adalah makhluk yang diciptakan. Firman Allah memperjelaskan:

“Patutkah manusia itu berkata demikian dan tidak memikirkan bahawa kami telah menciptakan dia dahulu sedang ia pada masa itu belum ada sebarang apa pun.”

(Maryam : 67)

Ini menunjukkan konsep Islam tentang manusia sama sekali berbeza dengan konsep manusia ekonomi. Di mana ekonomi moden menganggapkan manusia itu sebagai bahan semula jadi yang terjadi dengan sendirinya (Noranisah : 1992). Oleh itu mereka beranggapan sebagai makhluk yang sempurna tanpa perlu pertolongan kuasa-kuasa lain. Di dalam al-Quran Allah menggambarkan hal ini.

“Ketahuilah sesungguhnya manusia benar-benar melampaui batas kerana melihat dirinya serba cukup apa yang dihajatinya”.

(al-Alaq 6: (6-7))

Diikuti firman Allah lagi yang bermaksud:

“Allah (sentiasa) hendak meringankan (beban hukumnya) daripadamu, kerana manusia itu dijadikan dalam keadaan lemah.”

(al-Nisa' 4 : 28)

Akibat kelemahan manusialah perlunya berpegang dengan undang-undang Allah, manakala nafsu perasaan tidak boleh ditinggalkan bersendirian, kerana ia

akan membawa kepada yang lebih melampaui batas. Sehingga Allah sudahi dalam peringatan lain,

“Yang mencipta dan yang menyempurnakan dan menentukan kadar dan beri petunjuk.”

(al-A’la 8 : 2-3)

Manusia Diciptakan dengan Matlamat dan Boleh Menerima Perubahan

Manusia dicipta dengan matlamat tertentu dan bersedia menerima perubahan. Kenyataan ini berdasarkan firman Allah,

“Maka apakah kamu mengira bahawa sesungguhnya Kami menciptakan kamu secara main-main dan bahawa kamu tidak akan dikembalikan kepada Kami maka Maha Tinggi Allah yang memiliki sebenarnya tidak ada Tuhan selain Dia, Tuhan yang mempunyai Arasy yang mulia”.

(al-Mukminun 23 :115)

Konsep ini juga berbeza dengan konsep manusia ekonomi yang menyatakan bahawa manusia ini terjadi dengan sendiri dan tidak mempunyai apa-apa matlamat kecuali kesempurnaan diri sendiri (Patterson : 1971).

Berasaskan firman Allah dalam ayat yang lain bermaksud :

“Dan kalaullah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi ini dan semua yang ada di dalamnya.”

(al-Mukminun : 71)

Tujuan manusia dijadikan di bumi adalah sebagai Khalifah Allah. Manusia itu hanya diperintah untuk mengabdi diri kepada Allah semata-mata dan diperintahkan untuk mengikuti panduannya bagi mencapai dan memperolehi kejayaan dan kebenaran di dalam semua aktiviti termasuk aktiviti ekonomi. Tanpa panduan Allah semua bentuk ilmu yang disediakan kepada manusia akan menyesatkan mereka.

Oleh kerana manusia menerima ciri perubahan ianya telah diakui oleh Allah di dalam al-Quran yang bermaksud:

“Sesungguhnya kami telah aturkan cara menciptakan manusia bermula dari air mani yang bercampur serta kami tetap mengujinya dengan kewajipan-kewajipan, oleh itu maka, kami jadikan dia mendengar dan melihat. Sesungguhnya kami menunjukinya jalan yang lurus, ada yang bersyukur dan ada pula yang kufur.”

(al-Insan : 2-3)

Nyatalah konsep Islam tentang manusia yang memahami tanggungjawab mereka di dalam hidup di dunia, lebih-lebih kehidupan berekonomi yang mana

Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man) dalam Perbahasan Ekonomi Islam

harus menggunakan usahanya untuk berusaha mengeksplorasi sumber-sumber dengan sepenuhnya. Kegiatan ekonomi manusia, dipandang sebagai satu aspek dalam memenuhi tanggungjawab di muka bumi. Semakin giat seseorang itu di dalam aktiviti ekonomi, maka lebih baik dan mulia baginya, asalkan hidupnya menjadi seimbang.

Manusia yang Berakhlak

Sebagai makhluk yang berakhlak, manusia dicipta dengan mempunyai tujuan untuk hidup berakhlak selaras dengan firman Allah yang bermaksud:

“Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu, siapakah di antara kamu yang lebih amalnya.....”

(al-Mulk : 2)

Keadaan ini berbeza dengan pandangan manusia ekonomi yang mana status seseorang itu dikira berdasarkan berapa banyak kekayaan yang ada. Sesuai dengan definisi “*kejayaan ekonomi*” dalam ekonomi moden ialah “*kejayaan memperolehi wang dari usaha-usaha manusia*” (Khaf : 1982). Sedangkan dalam Islam manusia itu diciptakan dengan keupayaan yang berbeza, cabaran, kebolehan dan kemahiran akan membawa kepada pengagihan tidak sama. Oleh itu status seseorang tidak boleh diukur dengan kekayaan tetapi bergantung kepada keimanan dan taqwa.

Manusia Adalah Sebaik-baik Kejadian

Dasar kehidupan Islam adalah dasar untuk makhluk manusia. Oleh itu manusia adalah makhluk yang paling mulia. Sebaik-baik kejadian dilantik Allah sebagai khalifah-Nya.

Firman Allah yang bermaksud

“Dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam.....”

(al-Isra' : 70)

Konsep ini juga berbeza dengan manusia ekonomi, di mana manusia hanya sebagai haiwan sosial, berpolitik, berfikir di mana fungsi tidak lebih sebagai mesin yang berfungsi melalui proses mekanikal” (Edward : 1967).

Manusia Adalah Hamba Allah

Kelemahan dan kekurangan yang ada pada manusia menyebabkan manusia memerlukan pertolongan Allah. Di mana manusia ini dicipta dalam keadaan lemah dan mudah terpengaruh dengan kekeliruan, dan tidak sabar seperti ingin mencapai kejayaan dengan mudah, bersentimen serta mudah berlaku perkelahian sesama

mereka. Oleh itu mereka tidak boleh secara langsung mengikut kemahuan nafsu keperluan mereka. Jadi, mereka diperintah untuk beribadah kepada Allah, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud :

“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.”

(al-Dhaariyyat 1 : 56)

Dalam hal ini mereka perlukan panduan Ilahi. Menerusi jalan ini sajalah, mereka akan menemui kebenaran di dalam semua lapangan hidup.

Firman Allah lagi :

“Kalaullah kebenaran itu tunduk menurut hawa nafsu mereka, nescaya rosak binasalah langit dan bumi serta segala yang ada padanya.”

(al-Mukminun : 71)

Manusia Sebagai Makhluk Sosial

Islam melihat manusia sebagai makhluk yang bergaul, bersahabat, bekerjasama, tolong menolong, lindung melindungi antara satu sama lain. Bahkan semua individu digambarkan memiliki sifat keperimanusiaan sejak dahulu lagi secara semulajadi beserta tujuan dan matlamatnya, ini berasaskan firman Allah yang bermaksud :

“Tidakkah Allah menciptakan dan membangkitkan kamu dari dalam kubur itu melainkan hanyalah seperti satu jiwa sahaja. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Melihat.”

(surah al-Luqman 31 : 28)

Ini menggambarkan naluri manusia mempunyai persamaan sejak dulu, sekarang dan akan datang, terdapat di kalangan mereka itu sifat-sifat ikatan mesra dan bersatu padu, saling merasai penderitaan bersama, suka duka sama-sama dirasa, dengan lain perkataan manusia sebagai makhluk sosial dalam bentuknya yang asal, sifat semula jadinya juga mempunyai tujuan dan matlamat yang sama.

Konsep ini berbeza sama sekali dengan konsep manusia ekonomi yang bersistemkan ekonomi barat memberikan kebebasan ekonomi kepada semua orang di mana ia ditinggalkan bersendirian untuk mencapai matlamatnya. Setiap individu diberi kebebasan berperanan dalam pasaran untuk menentukan nasib mereka.

Perhubungan di antara seorang dengan seorang yang lain, samalah perhubungan antara penjual dan pembeli apabila memasuki pasaran yang tebal dengan sifat individualistik dan tidak bertanggungjawab. Ini seperti yang ditegaskan oleh (E. F Schumacher : 1973) dalam tulisannya:

“Secara umum, pasaran ialah tempat yang sudah sebatи dengan individualisme dan tidak bertanggungjawab kepada sesiapa kecuali dirinya sendiri.”

Konsep Manusia Ekonomi (Economic Man) dalam Perbahasan Ekonomi Islam

Menerusi perbincangan di atas jelas membuktikan bahawa sifat manusia ekonomi (economic man) lebih cenderung kepada matlamat kepuasan material, individualistik semata-mata tanpa memikirkan hakikat manusia, juga berhajatkan keperluan-keperluan spiritual untuk menjaga kesimbangan diri, masyarakat dan negara ke arah kejayaan ekonomi. Sebaliknya Islam tidak menolak keperluan-keperluan kebendaan sebagai asas kepuasan tetapi tidak melupai aspek spiritual yang perlu ada pada setiap manusia yang akan meyedarkan diri sebagai hamba Allah yang terikat menjaga tanggungjawab diri, masyarakat dan Negara secara harmonis di samping menyumbang kepada kejayaan ekonomi.

Rujukan

- Afzalul-Ur-Rahman, *Doktrin Ekonomi Islam*, Jilid 1, DBP, Kuala Lumpur.
- Black John, *Dictionary of Economics*, Oxford University Press, New York.
- Dr. Abas Husni Muhamad, *Perhubungan Fiqah Islam*, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, Kuala Lumpur.
- E. F Schumacher (1990). Small is beautiful, A study of Economics as if people Mattered, reprint of 1973 edition. Calcutta, hal. 36
- Edwards, Human Nature, *Encyclopedia of philosophy*, London 1967, Macmillan Co, vol. 1 hal. 826-827. Lihat juga Surthaman Kastin Hasan, *Ekonomi Islam*, Penerbitan UKM Bangi.
- Khurshid Ahmad, Kajian dalam Ekonomi Islam, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Monzer Kahf, *Satu Kajian Mengenai Perjalanan Ekonomi Islam*, [Edisi Terj.], Perkim, Kuala Lumpur.
- Muhammad Akram Khan, Economics message of the Quran, Islamic Book Publishers, Kuwait.
- Nik Mustapha Hj Nik Hassan, Asas-Asas Falsafah dan Etika Ekonomi Islam, Prosiding kursus Ekonomi Islam, Sek. Ekonomi UUM, Sintok Kedah.
- Patterson, C.H. (1971). Relationship Counseling and Psychotherapy, New York 1971, Harper and Row Publishers.
- (T.P) (1993) Kamus Ekonomi, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.